

PERSPEKTIF MAQASID KHUSUS SYARIAH DALAM MEMELIHARA INSTITUSI KELUARGA

¹Wan Nor Adibah Wan Ahmad, ²A'dawiyah Ismail & ³Ahmad Irdha Mokhtar
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: adibahahmad@gmail.com; ada@ukm.edu.my, irdha@ukm.edu.my

Abstrak -Institusi keluarga merupakan tunjang kepada pembentukan masyarakat dan negara bagi kesinambungan umat manusia. Namun, pelbagai bentuk gejala negatif dan pengabaian keselamatan keluarga telah melanda masyarakat. Maka Islam telah menetapkan maqasid dalam memelihara institusi keluarga. Sehubungan itu, ibu bapa selaku individu penting dalam institusi keluarga seharusnya memahami matlamat pemeliharaan institusi keluarga dari perspektif maqasid khusus syariah dalam mencorakkan hala tuju keluarga bagi memastikan kemenjadian anak-anak untuk mewarisi perjuangan dan dakwah Rasulullah SAW agar mencapai kesejahteraan serta keselamatan di dunia dan di akhirat. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti perspektif maqasid khusus syariah dalam memelihara institusi keluarga selari dengan tuntutan Allah SWT. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dipersembahkan secara deskriptif. Data dianalisis melalui analisis kandungan yang terdiri dari kitab primer dan sekunder serta jurnal kajian-kajian lepas. Dapatan kajian mendapati bahawa, perspektif maqasid khusus syariah dalam memelihara institusi keluarga ialah memelihara kesinambungan ummah, memelihara kestabilan keluarga dan memelihara kualiti kesolehan keturunan dalam memastikan pemeliharaan institusi keluarga. Implikasi kajian dapat membantu ibu bapa memahami perspektif maqasid khusus syariah dalam institusi keluarga bagi mendidik agama anak-anak sejajar dengan perintah Allah SWT.

Kata kunci: *Memelihara, Institusi keluarga, maqasid syariah*

I. PENDAHULUAN

Institusi keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan negara. Pembentukan institusi keluarga dibina bertujuan menyempurnakan maqasid manusia diciptakan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi (Ibn 'Ashur 1999). Kewujudan negara tidak akan sempurna tanpa institusi keluarga kerana Islam memandang keluarga sebagai institusi pencorak masyarakat pada masa hadapan (Ratna Roshida & Nik Haslinda 2007). Selain itu, keluarga umpama sel-sel yang membentuk tubuh. Jika keluarga baik, nescaya masyarakat pun akan menjadi baik, sebaliknya jika keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan menjadi rosak (Abdul Karim Zaidan 1980). Secara umumnya, maqasid syariah diturunkan kepada umat manusia bertujuan mencapai rahmat iaitu kebahagiaan keseluruhannya. Rahmat ini terbukti apabila syariat Islam memelihara kemaslahatan dan kebaikan serta menolak kerosakan iaitu *jalbu masalih wa dar' mafaasid* dalam setiap penurunan syariat dan hukum hakam kepada manusia. Hal ini termasuk dari aspek memelihara institusi keluarga (al-Najjar 2008). Menurut al-Najjar (2008), pemeliharaan institusi keluarga merupakan satu tuntutan agama. Maqasid akhir dalam institusi keluarga bertujuan memastikan keturunan dalam sesebuah keluarga selamat daripada ancaman api neraka. Islam menuntut umatnya memelihara keluarga dalam merealisasikan tujuan penciptaan manusia. Seseorang muslim perlu memupuk dan memelihara iman serta takwa dalam diri mereka terlebih dahulu sebelum bertanggungjawab kepada keluarga sehingga terbentuknya masyarakat dan umat yang mengimani tanggungjawab mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Institusi keluarga dapat dipelihara apabila ahli keluarga melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan serta menjadikan Islam sebagai satu cara hidup dalam kehidupan mereka serta meletakkan takwa sebagai asas dalam memelihara institusi keluarga.

Pemeliharaan institusi keluarga dibina melalui pelaksanaan peranan atau pola perilaku ibubapa berdasarkan sabda Rasulullah SAW dalam hadis tanggungjawab ibu bapa daripada Abu Hurairah r.a yang bermaksud: "Tiada dilahirkan anak Adam itu melainkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua ibu bapanya yang akan membentuknya menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi". (Hadith ini *ditakhrij* dari kitab *Mukhtasar Shahih Muslim*, kitab *al-Qadar*, bab *kullu mauludin yuladu 'ala fitrah*, hadith no 1852). Hadis ini merumuskan bahawa manusia difitrahkan cenderung kepada kebaikan iaitu Islam. Faktor yang mencorakkan kehidupannya adalah orang yang memelihara dan mendidiknya. Sekiranya baik pemeliharannya, maka baiklah anak tersebut dan sebaliknya. Dalam hal ini, ibu bapa merupakan wasilah, qudwah dan

dominan kepada anak-anak dalam menyempurnakan *maqasid syariah* bagi memelihara institusi keluarga yang seharusnya memainkan peranan bersama-sama dalam mencorakkan hala tuju keluarga sejajar dengan *maqasid syariah* iaitu *jalbu masalih wa dar u mafasid* (Ibn °Ashur 1999). Bagi menjalankan peranan tersebut dengan baik, ibu bapa seharusnya memiliki keperibadian dan personaliti yang unggul serta memahami tanggungjawab sebagai seorang ibu bapa (Adawiyah et al. 2015). Menurut Tariq Ismail (1986), ibubapa merupakan pelindung dan pembimbing kepada anak-anak meskipun mereka masih berada di peringkat remaja. Menurut beliau juga, fungsi kekeluargaan yang normal akan dapat membentuk remaja yang sentiasa berpuas hati dan gembira dengan keluarga mereka malah mereka merasa tenang dalam keluarga dan masyarakat sama ada secara fizikal, psikologi dan sosial serta berkembang menjadi dewasa yang berdisiplin serta bertanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat. Ibu bapa perlu menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai pegangan dan panduan dalam mendidik anak-anak. Selain itu, suasana keluarga adalah ditentukan oleh usaha dan tindakan setiap anggota keluarga tersebut, terutama ibu bapa dalam menentukan bentuk individu yang akan terhasil dalam institusi yang dipimpin oleh mereka. Ibu bapa juga harus kembali kepada falsafah keluarga menurut Islam dan memahami matlamat utama pembentukan keluarga serta perkahwinan iaitu melahirkan keluarga yang mewarisi perjuangan Rasulullah SAW (Ishammudin 2012).

Sehubungan itu, memelihara *dharuriyat al-khams* pada pendidikan anak-anak sebahagian daripada konsep memelihara keturunan berasaskan ilmu *maqasid* (An-Najjar 2008). Perkahwinan dan pendidikan anak-anak berkait rapat dalam menyempurnakan *maqasid syariah* dalam sistem institusi keluarga. Tanpa perkahwinan yang sah dan pendidikan anak-anak yang bertepatan syarak, *maqasid* pembentukan institusi keluarga bagi melahirkan rijal sebagai hamba Allah SWT dan khalifah serta menjaga agama di muka bumi ini tidak mungkin dapat ditegakkan (Ibn °Asyur 1999). Justeru itu, pengkaji meletakkan *maqasid* khusus syariah sebagai kerangka konsep perbincangan bagi membantu ibu bapa dalam mendidik anak-anak bertujuan memelihara institusi keluarga.

II. PERNYATAAN MASALAH

Persoalan tentang matlamat pemeliharaan keluarga Islam, peranan ibu bapa, kemenjadian anak-anak, cabaran sosial globalisasi yang semakin mencabar ibu bapa dan keganasan rumah tangga adalah inti pati daripada keperluan ibu bapa memahami *maqasid* pemeliharaan institusi keluarga dan mempelbagaikan perilaku serta pendekatan untuk menghadapi cabaran gejala sosial, kecanggihan teknologi dan pemikiran jahiliah moden masa kini. Seterusnya, ibu bapa yang berilmu, kreatif, berwawasan dan sebagainya diperlukan agar matlamat pemeliharaan keluarga Islam boleh dicapai secara maksimum. Namun apa yang berlaku dalam institusi keluarga sebagaimana yang ditunjukkan oleh pelbagai kajian yang berterusan sejak tahun 2010 hingga kini daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap gejala sosial di Malaysia semakin meningkat sehingga lima masalah atau *maqasid* asasi pembangunan manusia terabai. Selain itu, pencapaian peranan ibu bapa juga masih dipersoalkan dalam mengatasi masalah sosial seperti isu murtad, Daesh, keruntuhan moral remaja, pembunuhan sesama ahli keluarga, keruntuhan rumah tangga dan sebagainya (Amirudin 2016, Nor Ruzaini Sulaiman 2016, Nor Saleha 2015, Ramzi Zakaria 2015, Rabiatul Adawiyah 2014, Adawiyah 2014, Ishammuddin 2012).

Di samping itu, Malaysia dikejutkan dengan kematian kanak-kanak disebabkan penyakit berjangkit Difteria kerana tidak diberi suntikan vaksin ketika kecil (IMAM 2016). Berita Harian 28 Jun 2016, melaporkan kanak-kanak di Kedah antara negeri terawal disyaki mengidap difteria di mana enam orang kanak-kanak termasuk lima beradik dari Flat Paya Nahu di Kuala Muda telah dirawat di Hospital Sultan Abdul Halim sejak 21 Jun. Berita Harian 4 Julai 2016 juga melaporkan sehingga 2 Julai 2016, terdapat 14 kes difteria yang menyebabkan lima kematian iaitu Kedah 7 kematian, Sabah 4 kematian dan Melaka 3 kematian kerana tidak mendapat rawatan imunisasi. Pegawai Perubatan Nor Hisham (2016) menasihati ibu bapa supaya menyemak semula status imunisasi anak-anak dan memastikan anak-anak di bawah 7 tahun mendapat perlindungan optima menerusi suntikan imunisasi “5 serangkai lengkap”. Sehubungan itu, Datuk Zulkifli Bakri (2016), mufti Wilayah Persekutuan, menyatakan bahawa ibu bapa wajib mengambil suntikan imunisasi untuk anak-anak sebagai menepati *maqasid syariah* dalam pemeliharaan nyawa anak-anak. Selain itu, menurut Dr. Nor Ruzaini Sulaiman (2016) dalam pembentangnya di Persidangan Wanita Islam Antarabangsa (PERWANIS) 2016, beliau menjelaskan bahawa pornografi memberi impak negatif kepada ahli keluarga samada terhadap wanita ataupun remaja. Menurut beliau, terdapat 26 juta website yang berunsurkan pornografi diletakkan di laman-laman web setiap hari dan pada satu masa, dianggarkan 29 ribu manusia di seluruh dunia melayari laman web pornografi di mana 66% daripada mereka terdiri daripada kaum lelaki dan selebihnya perempuan. Daripada keratan akhbar Utusan Malaysia bertajuk “Barah Pornografi Perosak Masyarakat”, bertarikh 19 Mei 2015, Dr Azlin pensyarah kanan Universiti Utara Malaysia menyatakan porno adalah ibarat barah dalam masyarakat yang menyumbang kepada kehancuran keluarga, kehamilan haram, membuang bayi, sumbang mahram, perosak mental kanak-kanak serta kemungkinan besar akan menjadi mangsa pedofilia. Isu penyalahgunaan internet dan ancaman jenayah siber juga mengancam keselamatan dan kemenjadian anak-anak serta menjejaskan institusi kekeluargaan. Teknologi digital telah berkembang pesat pada masa kini telah memberi impak negatif kepada masyarakat terutamanya wanita dan remaja seperti penipuan cinta internet,

buli siber dan peras ugut siber (Syarifah Hanum 2012, Amirudin 2016). Menurut beliau juga, internet telah memberi akses kepada pelbagai visual, audio dan maklumat yang tidak ditapis sekaligus menyebabkan golongan remaja mudah terperangkap dalam aktiviti hasutan, penyebaran ajaran sesat dan propaganda jahat pihak tertentu. Mereka bertindak melampaui batasan agama dan undang-undang disebabkan kejahilan dan kejahatan mereka berikutan kurangnya perhatian ibu bapa dan pendidikan agama. Menurut Ramzi (2015) juga, berdasarkan statistik pengemis di negeri Selangor, seramai 23 orang (2010), 43 orang (2011) dan 78 orang (2012) pengemis kanak-kanak yang dapat diselamatkan. Peningkatan kes Juvana juga adalah kesan daripada kecuai dan pengabaian ibu bapa iaitu dari 3399 kes pada tahun 2012 kepada 8704 kes pada tahun 2013. Peningkatan ini menunjukkan telah berlaku permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut atas sikap ibu bapa yang alpa dan leka terhadap mereka. Pernyataan ini menunjukkan sistem keluarga melibatkan ayah, ibu dan anak berada dalam keadaan membimbangkan dan ibubapa memerlukan satu penyelesaian dalam menyelesaikan masalah anak-anak yang kemungkinan akan terjebak kedalam masalah akidah, agama, akhlak dan keturunan keluarga. Apakah punca sebenarnya kepada kepincangan dan pengabaian sistem keluarga dan di manakah silangnya.

Semua kajian ini menunjukkan pengabaian institusi keluarga telah menjadi satu isu yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Pengabaian institusi keluarga tidak boleh dianggap sebagai satu kesalahan yang remeh di sisi undang-undang kerana ia akan menjadi serius apabila melibatkan nyawa, keselamatan dan kebajikan ahli dalam sesebuah keluarga (Ramzi Zakaria 2015). Pemeliharaan institusi keluarga perlu selari dengan maqasid syariah di mana asas pemeliharaan institusi keluarga melalui satu perkahwinan yang sah dalam mencapai kemaslahatan manusia yang melibatkan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Ibn °Ashur 1999). Di Malaysia, berdasarkan kepada laporan unit kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (2004), sebanyak 61% daripada kes sosial yang dilaporkan dari Januari hingga Disember 2004 adalah yang berkaitan dengan masalah perkahwinan dan keluarga. Begitu juga dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat terdapat satu perkhidmatan kaunseling yang dipanggil sebagai perkhidmatan kesejahteraan keluarga yang bertujuan untuk membantu soal-soal kebajikan keluarga. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat juga telah melancarkan program “satu keluarga, satu kaunselor” pada 4 Februari 2007 yang dirasmikan oleh perdana menteri Malaysia.

Menurut Sabitha (2004), pengenalpastian masalah dalam kalangan ahli keluarga menjadi fokus utama bagi memastikan tanggungjawab yang dimainkan itu berfungsi dan bukan tidak bertanggungjawab. Sehubungan itu, beberapa kajian lain mendapati punca pengabaian institusi keluarga berdasarkan kajian Sayed Abd. Rahman (1994), Sabitha & Mahmood Nazar (1994), Roslee Abbas (2001), Ismail Baba (2001) dan Azyyati (2014) ialah ketidakstabilan dan ketidakfungsian keluarga, kenakalan remaja serta hubungan kekeluargaan yang mengalami kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan dan kawalan oleh ibu bapa. Kesemuanya berkait rapat dengan kegagalan corak dan kualiti pengasuhan yang positif. Manakala kajian Paizah (1991), Ishammuddin (2012) dan Nor Saleha (2015) pula mendapati antara punca berlakunya pengabaian pendidikan anak-anak adalah disebabkan pembentukan anak-anak tidak memenuhi kehendak Islam dan masalah ibubapa yang jahil tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan diri dan tanggungjawab mereka kepada anak-anak. Isu perceraian dianggap sebagai satu trend kehidupan yang sering berlaku dalam banyak peringkat dan semakin membimbangkan kerana ia boleh memberi kesan kepada pendidikan anak-anak. Malah Jakim melaporkan bilangan perceraian tertinggi yang dicatatkan adalah terdiri daripada orang Islam iaitu sebanyak 29, 253. Pada tahun 2012, bilangan perceraian yang didaftarkan telah menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh peratus berbanding catatan pada tahun sebelumnya (Nabila & Fadzli 2015). Kajian yang dilakukan oleh pelbagai penyelidik membuktikan bahawa kejahilan ibubapa tentang agama, perceraian dan tekanan emosi memberi kesan negatif kepada kemenjadian anak-anak. Ini selari dengan pandangan Azizi Yahya & Gan Liu Nam (t.th) dan Mustafa (t.th) bahawa masalah yang wujud antara pasangan suami isteri dan jahil tentang agama menyebabkan berlakunya pengabaian pendidikan anak-anak mengikut kehendak Islam. Ketidakstabilan emosi ibu bapa juga menyebabkan berlakunya penderaan seksual, fizikal dan emosi ke atas anak-anak. Semua ini berlaku gara-gara tekanan, krisis dan konflik dalam kehidupan seharian yang dilepaskan kepada anak-anak menyebabkan pemeliharaan institusi keluarga terabai dan menjejaskan pendidikan anak-anak yang merupakan tunjang utama dalam sesuatu perkahwinan (Amran & Khadijah 2014).

Isu keluarga merupakan isu global yang memerlukan perhatian berterusan sehingga terlalu banyak kajian mengenainya sejak daripada tahun 1980 an sehingga kini. Jakim (2014) meyakini bahawa penggubalan Dasar Keluarga Sakinah Negara (DKSN) dibuat setelah melihat dan mengambil ibrah isu-isu semasa kekeluargaan dan sosial yang berlaku dewasa ini dengan tujuan utama untuk memperkasakan institusi keluarga di Malaysia. Data menunjukkan 1/3 keluarga di Malaysia adalah keluarga muda dan 20.6% keluarga Malaysia menghadapi fenomena “Sandwich Family” di mana ketua isi rumahnya berusia antara 20-39 tahun serta pasangan perlu menanggung anak-anak dan ibu bapa masing-masing (Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke 4, 2004). Di samping itu, Pelan Tindakan Sakinah Negara (2016) juga telah menggariskan enam prinsip dalam mewujudkan keluarga sakinah, antaranya ialah pengurusan kekeluargaan yang baik. Pernyataan ini menunjukkan kajian mengenai isu kekeluargaan perlu terus dikaji bagi mendapatkan penyelesaian yang berbagai meskipun telah terdapat kajian kekeluargaan sebelum ini. Oleh itu, kesedaran untuk membentuk keluarga yang bahagia dalam masyarakat moden pada masa kini mulai mendapat perhatian yang semakin serius dari pelbagai golongan masyarakat tanpa mengira agama (Nabila & Fadzli 2015). Jika permasalahan ini

berterusan, maka institusi keluarga akan terancam dan terjejas menyebabkan maqasid perundangan Islam dalam pembentukan sistem keluarga dalam melahirkan khalifah Allah di muka bumi sukar untuk dicapai. Maqasid Syariah secara umumnya telah menetapkan lima prinsip yang perlu dititik beratkan dalam perundangan Islam termasuklah aspek kekeluargaan dalam pendidikan anak-anak iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan maruah serta harta (Abdul Halim Mahmud 1992). Isu pemeliharaan institusi keluarga yang terdiri daripada ibu, ayah dan anak menjadi tanda tanya masyarakat masa kini. Elemen ini berlaku disebabkan oleh pelbagai kejadian yang tidak diinginkan berlaku dalam masyarakat terhadap sesebuah keluarga. Justeru fungsi dan peranan ibubapa dalam memelihara sesebuah keluarga pada masa sekarang ini dipertikaikan kerana wujudnya pelbagai permasalahan dalam masyarakat yang menimbulkan pelbagai kes kontroversi (Ramzi Zakaria 2015).

Persoalannya, mengapakah perkara ini boleh berlaku? Adakah institusi keluarga yang ada pada masa kini tidak mampu dipelihara? Apakah pemeliharaan institusi keluarga yang diimpikan oleh ibubapa sekadar pemeliharaan aspek fizikal sahaja? Adakah ibu bapa memahami matlamat pemeliharaan institusi keluarga? Bagaimana peranan ibu bapa dan langkah-langkah berdasarkan maqasid syariah difahami dan diaplikasikan dalam keluarga? Oleh itu, situasi permasalahan yang berlaku pada hari ini telah mendorong pengkaji membuat kajian berkaitan dengan "Perspektif maqasid khusus syariah dalam memelihara institusi keluarga". Ianya bertujuan ibu bapa memahami matlamat yang telah ditentukan syarak dalam memelihara institusi keluarga bagi mencapai kehendak syariat Islam dalam konteks maqasid syariah iaitu "jalbu masolih wa dar u mafasid".

III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dipersembahkan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Bagi mendapatkan maklumat dan data kajian, pengkaji meneliti nas-nas al-Quran dan hadis berkenaan *maqasid syariah* dan isu-isu kekeluargaan serta bahan-bahan primer seperti kitab-kitab asal berkenaan *maqasid syariah* yang berkaitan dengan institusi kekeluargaan dan bahan sekunder seperti buku-buku, kertas kerja, jurnal dan laporan tesis. Selain itu, pengkaji menggunakan metod induktif untuk menganalisa data-data yang dikumpulkan dan seterusnya menghuraikan sesuatu bahan atau maklumat bagi menguatkan sesuatu fakta supaya penulis dapat menghasilkan kesimpulan penting dan tepat.

IV. HASIL KAJIAN

Perbincangan perspektif maqasid khusus syariah dalam memelihara institusi keluarga berfokus kepada memelihara keturunan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga perspektif penting dalam memahami maqasid khusus syariah dalam memelihara *al-Nasl* (keturunan). Ibn °Ashur (1999) mendefinisikan *maqasid Syar'iah* sebagai maksud dan hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan pensyariaan hukum atau sebahagian besarnya. Dalam hal ini, Ibn °Ashur (1999) memasukkan *ahkam tasyriyat muamalat* kepada dua martabat iaitu maqasid dan wasilah. Maqasid umum syar'iah adalah sesuatu yang membawa kepada mendapatkan kebaikan dan menolak keburukan. Manakala wasilah ialah jalan untuk sampai kepada maqasid tersebut. Jalan yang mampu mencapai kebaikan berfungsi sebagai jalan yang paling baik dan sebaliknya menutup jalan yang membawa keburukan. *Al-Nasl* bermaksud penciptaan atau kelahiran keturunan. Kadang-kadang ia diertikan kepada anak kerana menunjukkan hasil daripada kelahiran. Bagi ilmu maqasid, memelihara *nasl* termasuk dalam *daruriyat al-khams*. Secara lebih luas lagi, ia membawa maksud memelihara nasab, benih, melahirkan dan mendidik anak (al-Najjar 2008). Dalam hal ini, objektif syarak dalam sesuatu perkara khusus termasuk dalam maqasid khusus di mana setiap kelompok hukum tersebut mempunyai objektif atau tujuannya yang tersendiri yang menyokong maqasid ammah. Sehubungan itu, hukum hakam yang berkaitan isu keluarga dalam maqasid syariah berada pada maqasid khusus bagi menyempurnakan maqasid ammah iaitu *hifz nasl* dalam memelihara keluarga seperti objektif syarak pada wajib wali pada akad nikah. Ianya menjadi rukun kerana Islam menjaga hubungan dan ketanggungjawaban seorang bapa terhadap anaknya ketika mana anaknya ingin berkahwin (Ibn °Ashur 1999). Maqasid Syariah dalam sesebuah institusi keluarga berkait rapat dengan cara memelihara keturunan, memelihara nasab dan mendidik zuriat. Memelihara keturunan melalui perkahwinan adalah salah satu prinsip asas yang digariskan syarak di bawah kategori *daruriyat al-Khams*. Memahami hakikat yang demikian, bab ini akan membentangkan analisis kandungan perspektif maqasid syariah dalam institusi keluarga.

Memahami hakikat yang demikian, hasil pengamatan dan analisis yang dijalankan, terdapat tiga perspektif maqasid khusus syariah telah dikenalpasti dan diuraikan dalam bahagian ini. Dapatan-dapatan tersebut dirumuskan sebagaimana huraian di bawah:

i. Memelihara Kesenambungan Ummah

Maqasid khusus syariah yang pertama dalam institusi keluarga bertujuan memelihara kesenambungan ummah. Menurut al-Najjar (2008), memelihara kesenambungan ummah bermaksud memastikan kewujudan generasi manusia secara berterusan dalam masyarakat dengan kelahiran yang cukup bagi menggantikan generasi yang lalu dengan bilangan yang telah hilang. Hal ini menjadikan masyarakat berkembang dengan jumlah tenaga muda untuk memastikan manusia dapat melaksanakan tugas mereka sebagai khalifah. Sekiranya kelahiran ini terputus, masyarakat akan hilang tenaga muda yang menyebabkan masyarakat menjadi lemah dan tua kerana bertambahnya nisbah kematian berbanding nisbah kelahiran. Ini menyebabkan masyarakat manusia tidak mampu melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah di muka bumi. Maka memelihara kesenambungan generasi manusia atau kelahiran bertujuan memelihara keturunan dan membina masyarakat serta ummah. Sistem kekeluargaan dalam Islam merupakan sebahagian daripada sistem ummah dalam sebuah kerajaan Islam. Kestabilan sebuah keluarga menjadi asas kepada kestabilan seluruh sistem ummah. Sehubungan itu, memelihara kesenambungan keturunan dalam sebuah keluarga secara umumnya bertujuan mencapai matlamat atau objektif syarak dalam pembentukan sistem ummah. Dapatan di atas menepati firman Allah SWT dalam surah al-Furqan (25:54) yang bermaksud: “Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendakiNya)”. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat (49:13) yang bermaksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)”. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl (16:72) yang bermaksud: “Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda Yang baik lagi halal; maka Patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara Yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?”

Menurut Wahbah Zuhaili (1991) dalam *tafsir al-Munir*, ketiga-tiga ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT mencipta manusia melalui percantuman air mani dan sperma antara lelaki dan perempuan membentuk keturunan melalui perkahwinan dan berkembang dengan pertalian persemendaan (نَسَبًا وَصِهْرًا). Pengembangan keluarga terbentuk dalam masyarakat dengan penciptaan keturunan daripada pihak lelaki dan berlakunya persemendaan daripada pihak perempuan. Melalui keturunan, mereka saling kenal mengenali dan berhubung antara satu sama lain. Sementara itu, melalui persemendaan pula terbinalah kasih sayang dan cinta mencintai serta membentuk institusi keluarga yang menjadi asas dalam sesebuah masyarakat. Semua proses ini bertujuan memastikan kesenambungan manusia di muka bumi. Manakala Ibn Jarir dalam tafsir Ibn Kathir (2000) berpandangan bahawa antara kurniaan Allah SWT yang amat berharga ialah zuriat yang soleh merangkumi anak-pinak dan cucu-cicit. Perkataan hafadah juga membawa maksud al-khidmah iaitu bantuan dan perkhidmatan. Ini bermakna kelahiran zuriat bagi pasangan suami isteri akan menggembirakan mereka bertujuan mendapat bantuan dan pertolongan daripada anak cucu mereka. Firman Allah SWT juga dalam surah al-Nisa' (4:1) yang bermaksud: "Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan istrinya; dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturahmi. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu."

Berdasarkan ayat di atas, al-Thabari (1999) berpandangan bahawa Allah SWT juga mengingatkan manusia bahawa mereka adalah berasal daripada bapa yang satu iaitu Adam a.s dan ibu yang satu iaitu Hawa. Daripada kedua-duanya bermulalah perkembangan zuriat manusia di atas dunia ini. Oleh itu pembinaan institusi keluarga amat penting agar dapat meneruskan zuriat manusia dan berkembang membentuk masyarakat seterusnya ummah di atas muka bumi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Berkahwinlah dengan perempuan yang penyayang dan boleh beranak-pinak, sesungguhnya aku berbangga dengan kamu dalam kalangan para nabi pada Hari Kiamat”. (Riwayat Ahmad, Ibn Majah, al-Tabarani dan al-Baihaqi) Hadis ini menjelaskan bahawa syarak menggalakkan lelaki yang ingin berkahwin supaya memilih perempuan-perempuan yang subur sebagai pasangannya. Rasulullah suka umat yang banyak keturunan bertujuan melahirkan zuriat bagi memastikan kesenambungan manusia di muka bumi. Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud: “Daripada Sa’ad bin Abi Waqqas berkata, Rasulullah SAW menolak Uthman Ibn Maz’un untuk membujang. Andaikata dia dibenarkan membujang tentu kami (para sahabat) akan membujang sahaja”.

Pernyataan hadis ini menerangkan bahawa Islam melarang at-tabattul dan al-khasa. Hakikat ini diperkukuh lagi oleh *al-Tabari* dengan menyatakan bahawa at-tabattul yang dimaksudkan oleh Uthman Ibn Maz'un itu ialah mengharamkan dirinya untuk mengahwini wanita dan menikmati segala macam kenikmatan hidup kerana ia dianggap mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah SWT. Pernyataan ini juga dijelaskan dalam ungkapan Ibn °Ashur (1999): "*Sistem kekeluargaan yang tersusun adalah asas ketamadunan ummah dan kesatuannya. Oleh itu, bertindak menyusun sistem kekeluargaan yang teratur menjadi fokus seluruh sistem perundangan manusia*". Ibn °Ashur (1999) berpandangan bahawa penyusunan sistem keluarga penting dalam membentuk ummah kerana sistem kekeluargaan dapat memelihara kesinambungan generasi atau keturunan supaya tugas khalifah yang ditaklifkan kepada manusia dapat diwarisi.

Al-Najjar (2008) juga menjelaskan melalui ungkapannya: "*Bukanlah masyarakat itu melainkan terdiri dari individu-individu yang lahir daripada sekumpulan manusia yang mempunyai hubungan antara satu sama lain. Oleh sebab itu, Syariat Islam mengambil berat memelihara masyarakat dengan memelihara keturunan dan menjadikan memelihara keturunan sebagai objektif syarak dalam memelihara masyarakat. Masyarakat yang soleh dapat membangunkan manusia untuk menunaikan tanggungjawab yang telah disyariatkan. Keluarga adalah wasilah atau tapak dasar untuk membangunkan masyarakat yang soleh. Masyarakat yang soleh terdiri dari himpunan keluarga yang soleh. Sekiranya keluarga itu kukuh maka kukuhlah masyarakat dan begitulah sebaliknya*".

Ungkapan ini menggambarkan bahawa syariat Islam mengambil berat dalam menyusun satu sistem kehidupan manusia untuk menyempurnakan objektif asal penciptaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Penyusunan sistem kehidupan manusia bertujuan mendidik individu-individu dalam sesebuah keluarga, masyarakat seterusnya ummah untuk kelangsungan atau kesinambungan generasi manusia. Memelihara kesinambungan generasi merupakan suatu perkara wajib memandangkan amanah sebagai khalifah Allah SWT tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan kewujudan generasi secara berterusan. Ini dapat dilihat dengan pernyataan al-Najjar (2008): "*Masyarakat tidak dapat dibentuk melainkan dengan kelahiran yang berterusan. Sekiranya kelahiran terhenti maka lemah dan hilang kekuatan sesebuah masyarakat*". Pernyataan ini menunjukkan bahawa pembentukan masyarakat tidak mungkin berterusan kecuali melalui dengan penerusan kelahiran dan ia merupakan asas dalam menunaikan amanah Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi. Terhentinya proses kelahiran merupakan satu dosa besar dari aspek maqasid.

Sehubungan itu, Islam menggalakkan mereka yang berkemampuan supaya berkahwin kerana perkahwinan merupakan salah satu daripada sunnah para nabi-nabi terdahulu yang merupakan seorang manusia yang patut dicontohi (al-Yubi t.th). Pernyataan al-Najjar (2008): "*Apabila datangnya perintah kelahiran, maka Islam telah mensyariatkan perkahwinan kerana ia satu-satunya jalan melahirkan keturunan yang sah seperti mana sabda rasulullah SAW dalam hadis "wahai pemuda, sesiapa dalam kalangan kamu yang mampu maka berkahwinlah kamu". Syarak juga meletakkan asas matlamat perkahwinan adalah melahirkan anak yang ramai*". Pernyataan ini menerangkan bahawa Islam mensyariatkan perkahwinan dalam memastikan kelahiran yang berlaku selari dengan kehendak syarak. Dalam hal ini, Islam menggalakkan memilih calon wanita yang subur dan mampu melahirkan anak yang ramai bertujuan meramaikan generasi untuk memelihara agama Allah SWT. Dapat dilihat pada tulisan Ibn °Ashur (1999) iaitu: "*Sehingga kini syariat Islam mengambil berat menyusun asas sistem pembentukan keluarga melalui akad pernikahan yang menyatukan lelaki dan wanita yang dinamakan nikah. Pernikahan adalah asas pembentukan zuriat, menghubungkan kaum kerabat asas dan cabangnya*".

Pernyataan ini menjelaskan bahawa keluarga merupakan tunjang kepada pembentukan masyarakat dan negara bagi kesinambungan generasi umat manusia. Maka Islam telah menetapkan sistem dan peraturan dalam institusi keluarga bagi memastikan pembentukan umat sejajar dengan perintah Allah SWT. Sehubungan itu, Islam telah mensyariatkan perkahwinan yang menepati syarak sebagai komponen paling asas dalam proses memelihara keturunan dalam pembentukan keluarga, masyarakat dan negara keseluruhannya. Syariat Islam juga melarang sebarang jalan yang membantut prose kelahiran seperti tabattul iaitu tidak ingin berkahwin, azzal, membuang rahim, menggugurkan anak dan sebagainya. Al-Najjar (2008) telah menyatakan dalam bukunya iaitu: "*Dan apa yang boleh disokong dengan apa yang datang dari syarak iaitu menolak setiap halangan yang boleh menghalang dari berlakunya kelahiran. Asasnya Islam melarang untuk tidak berkahwin dan dan menghalang kelahiran seperti azzal, membuang rahim dan sebagainya. Islam juga melarang persetubuhan yang tidak menghasilkan zuriat seperti liwat. Perbuatan sedemikian hanya dapat menghilangkan syahwat tetapi tidak boleh menghasilkan zuriat atau keturunan*". Pengembangan ummah juga berlaku melalui persemendaan yang terbina melalui hubungan keturunan dan pernikahan. Pernyataan ini dapat dilihat pada tulisan Ibn °Ashur (1999) iaitu: "*Daripada sistem pernikahan terbentuklah tanggungjawab keibuan, kebapaan dan anak-anak. Daripada sini lahir pula hubungan persaudaraan atau kurang daripada itu lahir hubungan kaum. Gabungan hubungan pernikahan dengan hubungan keturunan dan kaum berlakulah hubungan persemendaan. Maka Syariat Islam datang menyusun sistem perhubungan semuanya ini dan hubungan berasaskan syariat Islam ini adalah hubungan yang adil, kukuh dan mulia*".

Pernyataan di atas menerangkan bahawa sistem ummah berjaya ditegakkan dengan memelihara generasi secara berterusan melalui sistem perkahwinan dan berkembang melalui hubungan kekeluargaan dan persemendaan. Perkahwinan yang sah dan berkualiti membentuk sistem ummah yang berkualiti. Kesimpulannya memelihara kesinambungan generasi merupakan objektif syarak dalam memelihara institusi keluarga dan menjadi asas dalam memelihara keturunan bagi melaksanakan amanah Allah sebagai khalifah di muka bumi. Justeru, institusi keluarga berperanan dalam memastikan kewujudan ummat yang melaksanakan ketaatan serta kepatuhan kepada Allah SWT sebagai hamba dan khalifah di muka bumi.

ii. Memelihara Kestabilan Keturunan

Maqasid khusus syariah yang kedua dalam institusi keluarga bertujuan memelihara kestabilan keluarga. Memelihara kestabilan keluarga bermaksud memastikan keturunan dinasabkan kepada bapanya yang sah iaitu melalui persyariaan sistem perkahwinan. Menurut Nurudin al-Khadimi (2001) *hifz nasab* bermaksud memelihara nasab melalui perkahwinan yang disyariatkan serta memastikan anak yang lahir dinasabkan kepada bapanya bagi memelihara kestabilan keluarga dan bukan seperti keturunan haiwan yang tidak mengenali keturunannya. Dapatan ini menepati firman Allah SWT juga dalam surah al-Nur (6:2) yang bermaksud: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat

Menurut Ibn Kathir (2000) dalam tafsir “al-^oAzim”, perbuatan zina merupakan perlakuan buruk dan keji kerana ia boleh merosakkan institusi keluarga. Bayi yang lahir dari perbuatan zina mengakibatkan anak itu lahir tanpa bapa yang sah dan terbantut emosi dalam hidupnya. Selain itu, hukuman yang ditetapkan ke atas penzina bertujuan menghalang manusia dari berzina. Maka Islam mensyariatkan perkahwinan bagi memenuhi fitrah manusia. Allah SWT melarang manusia ada perasaan belas kasihan ketika melaksanakan hukuman sebat menunjukkan perbuatan zina merupakan satu perbuatan yang keji dan dimurkai Allah SWT. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1991) pula menerangkan secara umumnya ayat tersebut berkaitan dengan kekeluargaan dari aspek pembinaannya hingga kepada pengurusan rumah tangga bertujuan menjaganya daripada kehancuran dan kebinasaan. Ayat ini dimulakan dengan isu tentang hukuman kepada penzina, had qazaf, dan hukum li’an dengan tujuan untuk menyucikan masyarakat daripada kefasadan dan percampuran nasab keturunan. Pernyataan di atas juga dijelaskan dengan pandangan Ibn ^oAshur (1999): *“Ikatan kaum kerabat bermula dengan anak-anak dan ibu bapa. Melalui hubungan lelaki dan perempuan lahirlah keturunan. Keturunan yang sah di sisi syarak adalah keturunan yang lahir daripada akad pernikahan yang sah”*. *“Perkahwinan yang sah menyelamatkan keturunan daripada keraguan. Hakikatnya dengan mengkhhususkan seorang wanita kepada seorang lelaki adalah untuk kemantapan keturunan supaya wujud keyakinan bahawa pengkhurusan itu sabitlah keturunan kepada bapanya”*. *“Pengkhurusan ini telah menghalang wanita daripada digauli oleh ramai lelaki yang menyebabkan kekeliruan dalam keturunan”*.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa Islam mensyariatkan perkahwinan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan jinsiah manusia, tetapi bagi memastikan zuriat yang lahir melalui nasab bapanya yang sebenar untuk membuktikan kesahihan keturunan tersebut. Dalam hal ini, apabila keturunan atau zuriat yang lahir dapat dinasabkan kepada ayahnya yang sebenar, maka kestabilan keluarga akan terpelihara. Allah SWT juga melarang manusia melakukan perkara-perkara yang mendorong seseorang itu kepada zina seperti pergaulan bebas antara lelaki dan wanita ajnabi, melihat video lucah, tidak menundukkan pandangan dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ (17:32) yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”*.

Menurut Wahbah Zuhaili (1991) dalam tafsir “al-Munir”, ayat ini menerangkan bahawa penggunaan kata “*taqrobu*” memiliki makna lebih tegas daripada lafadz “*ta’nuu*“. Artinya, larangan dalam ayat ini tidak menggunakan kata “jangan lakukan zina“, tetapi “jangan dekati zina“. Berdasarkan ilmu usul fiqh dijelaskan bahawa lafaz amar menunjukkan kewajiban dan lafaz nahi (larangan) menunjukkan suatu yang diharamkan. Jalan bagi memelihara keturunan seperti yang telah digariskan oleh syarak ialah melalui perkahwinan yang sah. Islam juga telah mengharamkan perbuatan menghampiri zina atau dalam bahasa arab disebut khalwat. Peraturan ini dilihat sebagai satu kaedah pencegahan bagi menghalang dari berlakunya jenayah yang lebih berat iaitu penzina. Bagi kesalahan menghampiri zina, hukuman yang dikenakan adalah ta’zir yang mana kadarnya adalah menurut budi bicara hakim. Imam Qurtubi juga menjelaskan tentang penggunaan lafaz “*la taqrobu*” dalam ayat tersebut memberi maksud dari kata “*la tadnu*” iaitu jangan mendekati zina kerana hal-hal yang dapat menjerumuskan pada perzinaan hukunya sama iaitu haram dan terjerumus kepada neraka serta termasuk dalam dosa besar. Begitu juga dalam tafsir Ibn Kathir (2000) menjelaskan bahawa Allah SWT melarang hambaNya melakukan perbuatan zina dan mendekati sesuatu yang boleh menyebabkan perzinaan. Beliau menjelaskan perbuatan zina merupakan *fahisyah* dan termasuk dosa besar serta paling buruk kemaksiatannya. Justeru Islam meletakkan hukum mendekati zina adalah haram apalagi melakukan perbuatan keji tersebut.

Dapatan ini dijelaskan dengan pandangan Ibn ^oAshur (1999) iaitu: *“Pernikahan sebelum Islam mengiktiraf keturunan daripada pernikahan yang diterima waktu itu sama ada melalui pelacuran, istibdha’ dan sebagainya. Apabila datangnya Islam, pernikahan tersebut dibatalkan kerana memberi kemudharatan kepada manusia dan tidak mempunyai nasab serta keturunan yang sah. Maka Islam menjadikan pernikahan sebagai tumpuan tertinggi syariat kerana pernikahan adalah asas kepada sistem kekeluargaan”*. Pernyataan ini menerangkan bahawa Islam mensyariatkan perkahwinan sebagai satu jalan untuk memastikan zuriat yang lahir adalah jelas keturunannya. Islam juga menjelaskan betapa bahayanya gejala perhubungan zina yang menyebabkan timbulnya kekusutan dan kesamaran dalam menisbahkan anak kepada bapanya. Sehubungan itu juga, Islam mensyariatkan untuk mengiklankan perkahwinan kerana ia antara objektif asas dalam mensabitkan nasab atau keturunan. Dapatan ini dijelaskan dalam tulisan al-Najjar (2008): *“Mengiklankan perkahwinan bertujuan untuk tidak menimbulkan keraguan kepada anak yang dilahirkan”*.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa hukum mengisytiharkan perkahwinan bertujuan perkahwinan seseorang itu dapat diketahui umum dan zuriat yang lahir tidak diragui oleh masyarakat sekeliling. Selain itu, al Quran secara jelas mengharamkan perbuatan menuduh seorang muslim yang baik dengan tuduhan zina. Ini bertujuan menjaga kehormatannya, kehormatan keluarga dan juga keturunannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Nur (24:4-5) yang bermaksud: *“Dan orang-orang Yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan Yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang Yang fasik; kecuali orang-orang Yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya Yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*. Berdasarkan ayat ini Imam al-Tabari menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan mereka yang menuduh orang yang berzina tanpa membawa empat saksi supaya dikenakan hukuman had iaitu sebatan sebanyak lapan puluh kali. Hal ini menunjukkan bahawa perbuatan menuduh orang lain berzina tanpa saksi merupakan satu perbuatan keji kerana ianya memberi kesan buruk kepada nasab sekiranya wanita tersebut mengandung. Dalam hal ini, Islam telah mensyariatkan perkahwinan bertujuan mengelakkan daripada berlakunya perzinaan dan kesamaran keturunan.

Dapatan ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Yaasin (36:36) yang bermaksud: *“Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya”*. Menurut al-Qurtubi (2002) dalam tafsir *“Al-Jami’ li Ahkam al-quran”*, ayat ini menjelaskan bahawa untuk merealisasikan kehidupan yang berpasangan, sebuah keluarga perlu dibina melalui perkahwinan yang sah bagi menjamin kehidupan manusia dalam masyarakat yang stabil dan mantap. Justeru antara tanda kebesaran Allah SWT ialah pasangan yang berkahwin dikurniakan sakinah dan mawaddah dalam kehidupan mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum (30:21) yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir”. Menurut Syed Qutb (2000) dalam tafsir Zilaalul Quran, ayat ini menerangkan keperluan manusia kepada perkahwinan serta ketenangan dan kebahagiaan yang lahir daripada perkahwinan tersebut. Perasaan kasih sayang dan belas kasihan melahirkan dorongan positif kepada ibu bapa untuk memelihara zuriat dan keturunan mengikut syariat Allah SWT. Cinta dan kasih sayang adalah rahmat daripada Allah SWT untuk pasangan suami isteri meskipun umur sudah berusia tua. Perasaan sejahtera, tenang dan penuh rasa kasih sayang sesama keluarga melambangkan rahmat dan kasih sayang Allah SWT kepada suami isteri. Kasih sayang ini membantu suami isteri dalam menyempurnakan tanggungjawab mereka dalam hidup berkeluarga.

Selain itu, Islam telah mengharamkan bapa angkat menganggap anak angkat sebagai anak kandung dan berbincang bapa angkat. Larangan ini bertujuan untuk mengelakkan kecelaruan dalam penentuan nasab dan juga penafian hak bagi anak dari keturunan yang sah. Jika ini tidak dilakukan ia akan menyebabkan kesan buruk dalam beberapa muamalah lain seperti pusaka, perwalian dalam perkahwinan, pergaulan dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab (33:5) yang bermaksud: *“Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*. Berdasarkan ayat di atas, Imam al-Qurtubi (t.th), menjelaskan kedudukan anak angkat yang tidak sama seperti mana anak kandung. Ini bererti mereka tidak mempunyai sebarang hak dalam mewarisi harta pusaka. Suasana ini berbeza pada zaman jahiliah di mana anak angkat dibenarkan mewarisi harta ayah angkatnya.

Bagi anak yang dilahirkan secara tidak sah taraf maka Islam melarang menyamakannya dengan anak hasil dari perkahwinan yang sah. Ini bertujuan bagi menjaga keturunan dan nasab yang terhasil dari hubungan yang dibenarkan oleh syara’. Ini merupakan salah satu cara Islam mengajar umatnya supaya tidak melakukan perbuatan zina. Ini kerana anak yang bakal dilahirkan nanti akan menerima nasib malang berbanding anak yang dilahirkan dari perkahwinan yang sah. Dapatan ini disokong dengan tulisan al-Najjar (2008):

Manuscript received 08 Jun 2020, revised 08 Jun 2020

Copyright © 2020 Tazkia University College of Islamic Economic. - All rights reserved

“Sesungguhnya menurut ahli psikologi, kejahilan nasab menyebabkan jiwa dan emosi seorang anak terganggu sehingga terkesan dalam hubungan masyarakat. Maka syariat mengambil berat dalam memelihara nasab kerana ia akan membentuk emosi yang tenang dalam melaksanakan kehidupannya”.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa zuriat yang lahir dari perkahwinan yang sah akan melahirkan perasaan kasih sayang dan nilai tolong menolong pada suami isteri yang membuahkan rasa tanggungjawab untuk mendidik anak-anak selari dengan tuntutan Islam. Nasab atau keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Hal ini kerana, apabila keturunan telah rosak akibat daripada menyalahi syariat dan tabiat semula jadi manusia, ia akan menyebabkan berlakunya kacau bilau pada struktur institusi keluarga dan seterusnya menyebabkan keruntuhan sosial masyarakat Islam. Sehubungan itu, Islam telah menggariskan beberapa perkara bagi memelihara keturunan, antaranya ialah melalui perkahwinan, tanggungjawab kekeluargaan serta batasan pergaulan bagi perhubungan berlainan jenis. Seterusnya, bagi mencegah berlakunya kerosakan terhadap keperluan asas ini, maka Islam juga telah melarang dan menetapkan hukuman keras bagi kesalahan zina, jenayah rogol dan sebagainya.

Selain itu, Islam juga mensyariatkan iddah bagi wanita yang berpisah dengan suaminya bagi memastikan rahim seseorang wanita yang berpisah dengan suaminya bersih dan selamat daripada benih bekas suaminya. Pensyariatan ini bertujuan mengelakkan kekeliruan atau kesamaran kepada nasab anak yang dilahirkan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:228) yang bermaksud: *“Wanita-wanita yang ditalak hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali quru. Tidak boleh mereka menyembunyikan apa yang diciptakan Allah dalam rahimnya, jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) itu menghendaki ishlah. Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang makruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada istrinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.*

Berdasarkan ayat ini, Wahbah Zuhaili (1991) menjelaskan bahawa Islam mensyariatkan iddah kepada wanita yang bercerai dengan suami samada bercerai hidup atau suami meninggal dunia bertujuan memastikan kekosongan rahim daripada benih suami terdahulu dan mengelakkan percampuran benih antara suami dahulu dengan suami yang baharu dikahwininya. Hal ini kerana dibimbangi kedudukan anak sekiranya wanita tersebut mengandung samada anak kepada suami terdahulu atau baharu. Pensyariatan iddah juga bertujuan pengabdian kepada perintah Allah SWT. Dalam hal ini, al-Najjar (2008) juga berpandangan sedemikian dalam tulisannya iaitu: *“Dan begitu juga dalam hukum iddah iaitu pensyariatan iddah dalam hukum kekeluargaan bertujuan diketahui status rahim dalam tempoh perceraian. Ia bermaksud supaya rahim seorang wanita yang bercerai, kosong dan suci dari benih bekas suami terdahulu. Bertujuan tiada keraguan kiranya wanita tersebut berkhwin lagi dan melahirkan anak”.*

Pernyataan ini menjelaskan bahawa sekiranya tiada hukum iddah dalam tempoh perceraian, berkemungkinan akan berlaku percampuran benih antara bekas suami dan suami yang kedua. Situasi ini menyebabkan kekeliruan dalam menentukan nasab anak yang lahir. Tuntasnya keturunan yang lahir daripada perkahwinan yang sah dan bernasabkan kepada bapanya yang sah melahirkan keturunan dan keluarga yang stabil serta mengelak berlakunya keclaruan dalam hidup mereka. Anak yang lahir daripada perzinaan dikenali sebagai anak tidak sah taraf akan kehilangan hak mereka sebagai seorang anak iaitu pusaka, hadonah, nasab dan sebagainya. Kesemua ini akan melonggarkan rasa kasih sayang dan tanggungjawab terhadap keluarga dan keturunan mereka. Justeru hanya ibu bapa yang sah nasabnya sahaja mampu melahirkan kestabilan keturunan dan keluarga dari aspek psikologi.

iii. Memelihara Kualiti Kesolehan Keturunan

Maqasid khusus syariah yang ketiga dalam institusi keluarga bertujuan memelihara kualiti kesolehan keturunan. Memelihara kualiti kesolehan keturunan bermaksud Islam mengurniakan anak sebagai amanah Allah SWT yang wajib dijaga dan dididik dengan baik. Tanggungjawab ibu bapa amat besar dan seharusnya dilaksanakan dengan sebaiknya untuk menyelamatkan mereka ahli keluarga daripada ancaman api neraka (al-Ghazali 1992 dan Wan Nordin et al 2014). Keselamatan keturunan bangsa, budaya manusia dan juga kesinambungan fungsi khalifah bergantung kepada keberkesanan gerakan proses pembiakan dan kelahiran manusia (Rosnaaini Hamid et al. t.th). Dalam hal ini, institusi keluarga bertanggungjawab bagi keseluruhan proses tersebut daripada fasa permulaan sehingga ke peringkat perkembangannya. Sehubungan itu, membina ummah melalui pembentukan manusia merupakan tuntutan agama dan tanggungjawab ibu bapa (al-Najjar 2008).

Dapatan ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim (28: 6) yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.*

Menurut Ibn Kathir (2007), ayat ini menjelaskan bahawa memelihara keluarga merupakan satu tuntutan agama. Seseorang muslim perlu memupuk dan memelihara iman serta takwa dalam diri mereka sejak dari kecil lagi. Seorang individu muslim mestilah membina iman dalam dirinya terlebih dahulu sebelum bertanggungjawab kepada keluarga sehingga terbentuknya masyarakat dan umat yang mengimani tanggungjawab mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Institusi keluarga terpelihara apabila ahli keluarga melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan serta menjadikan Islam sebagai satu cara hidup dalam kehidupan mereka.

Dapatan ini juga dapat dirumuskan dari pandangan ulamak Ibn ‘Ashur (1999): “*Sesungguhnya maqasid umum dari perundangan terdapat padanya iaitu memelihara sistem ummah dan berterusan pbaikannya dengan orang yang mengendalikannya iaitu insan*”.

Dalam hal ini, Allah SWT mencipta manusia sebagai hamba yang mengabdikan diri kepada Allah SWT dan sebagai khalifah di muka bumi. Tugas ini merupakan tugas asasi manusia selari dengan intipati tuntutan akidah dan pengucapan kalimah syahadah (Abd Halim). Firman Allah SWT dalam surah al-Dzariyat (51:56) yang bermaksud: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”. Firman Allah SWT juga dalam surah al-Baqarah (2:30) yang bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?. Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”. Menurut Wahbah Zuhaili (1991) dalam tafsir “al-Munir”, kedua-dua ayat ini menerangkan peranan dan tugas asasi manusia iaitu sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Pernyataan ini juga dijelaskan oleh Ibn ‘Ashur (1999): “*dari sudut membina keluarga, ibu bapa haruslah peka dalam memastikan keturunan dan zuriat mereka mampu memelihara risalah Allah SWT iaitu sebagai hamba dan menjadi khalifah di muka bumi. Kesempurnaan hidup bukan sahaja melaksanakan tugas-tugas peribadi dan individu sahaja malah perlu melaksanakan tugas meyelamatkan ummat melalui amar makruf nahi mungkar*”.

Sehubungan itu, kesejahteraan masyarakat dan ummah tidak akan terbina tanpa pembinaan insan yang cemerlang. Syariat meletakkan tanggungjawab membina insan sebagai maqasid tertinggi dalam memelihara keturunan bertujuan melahirkan suatu ummat yang terbaik, cemerlang dan dapat mewarisi perjuangan Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam surah al-Imran (3:110) yang bermaksud: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang Yang fasik”.

Berdasarkan ayat ini, Sayyid Qutb (2010), menerangkan bahawa manusia harus menerima hakikat diri mereka sebagai pimpinan yang dipilih Allah SWT kerana manusia merupakan sebaik-baik umat. Mereka harus memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran untuk menerajui muka bumi ini sebagai khalifah Allah SWT. Manusia juga perlu melaksanakan amar makruf nahi mungkar serta menegakkannya di atas dasar kebaikan dan keimanan kepada Allah SWT supaya kemaslahatan manusia dan agama dapat ditegakkan. Pernyataan ini juga disokong pada tulisan Ibn ‘Ashur (1999) iaitu: “*Syariat meletakkan tanggungjawab membina insan sebagai maqasid tertinggi dalam memelihara keturunan. Kesejahteraan masyarakat dan ummah tidak akan terbina tanpa pembinaan insan yang cemerlang. Tanpa perkahwinan yang sah dan pendidikan anak-anak yang bertepatan syarak, maqasid pembentukan institusi keluarga bagi melahirkan rijal sebagai hamba Allah SWT dan menjadi khalifah serta menjaga agama di muka bumi ini tidak mungkin dapat ditegakkan*”.

Pernyataan ini menerangkan bahawa membina insan merupakan maqasid dalam pembentukan keluarga dan masyarakat. Pembentukan masyarakat soleh dapat memudahkan manusia melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah SWT. Sehubungan itu, ibu bapa bertanggungjawab dalam melahirkan keturunan berkualiti dalam menyempurnakan maqasid pemeliharaan institusi keluarga. Memelihara kualiti kesolehan generasi berpunca dari keberkesanan dalam mendidik insan. Keberkesanan ini dibina melalui pelaksanaan peranan atau pola perilaku ibubapa berdasarkan sabda Rasulullah SAW dalam hadis tanggungjawab ibu bapa daripada Abu Hurairah r.a iaitu: “Tiada dilahirkan anak Adam itu melainkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua ibu bapanya yang akan membentuknya menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi”. (Hadith ini *ditakhrij* dari kitab *Mukhtasar Shahih Muslim*, kitab *al-Qadar*, bab *kullu mauludin yuladu ‘ala fitrah*, hadith no 1852). Hadis ini menerangkan bahawa manusia difitrahkan cenderung kepada kebaikan iaitu Islam. Faktor yang mencorakkan kehidupannya adalah orang yang memelihara dan mendidiknya. Sekiranya baik pemeliharaannya, maka eloklah anak tersebut dan sebaliknya. Hadis juga menjelaskan ibu bapa perlu menjadi qudwah kepada anak-anak kerana kebersamaan mereka lebih lama dan dominan. Anak-anak akan mengikut apa sahaja yang ada pada ibu bapa mereka.

Dalam hal ini, perkahwinan dan didikan anak-anak berkait rapat dalam menyempurnakan maqasid syariah dalam sistem institusi keluarga. Justeru itu, ibu bapa perlu berperanan dan bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak agar kesinambungan generasi rabbani berterusan wujud di muka bumi ini bagi mencapai kebahagiaan abadi di dunia dan di

akhirat. Bagi menjalankan peranan tersebut dengan baik, ibu bapa seharusnya memiliki keperibadian dan personaliti yang unggul serta memahami tanggungjawab sebagai seorang ibu bapa (Adawiyah et al. 2015). Hal ini dapat dilihat pada tulisan Ibn ^oAshur (1999) iaitu: *“Ibu bapa merupakan wasilah dalam menyempurnakan maqasid syariah dalam memelihara institusi keluarga yang seharusnya memainkan peranan bersama-sama dalam mencorakkan hala tuju keluarga sejajar dengan maqasid syariah iaitu jalbu masalih wa dar u mafasid”*. Pernyataan ini menjelaskan bahawa ibu bapa merupakan agen yang bertanggungjawab dan menjadi qudwah adalah penting dalam mendidik anak-anak. Dalam pada itu, menurut Hasnan (2009), memiliki personaliti yang baik adalah tuntutan akidah berasaskan keyakinan kepada Tuhan dan pertimbangan hisab yang dijalankan di akhirat nanti. Oleh kerana memiliki personaliti Islam adalah satu kewajipan individu, maka berusaha membentuk personaliti ini adalah satu kewajipan. Justeru ibu bapa perlu berusaha membentuk personaliti yang baik bagi sebagai qudwah dalam mendidik anak-anak.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa sistem ummah terus terpelihara sekiranya berterusan kewujudan manusia berkualiti dalam melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah SWT bagi memelihara sistem ummah. Dalam hal ini juga, al-Najjar (2008) berpandangan bahawa kualiti insan ialah: *“Memelihara keturunan juga bermaksud mendidik anak-anak dari aspek keluarga secara khusus dan masyarakat secara umum. Pendidikan ini bermula sebelum kelahiran sehinggalah mereka baligh meliputi keperluan material untuk pembesaran sempurna, pendidikan jiwa, akhlak dan pemikiran minda sehingga membentuk individu soleh dan musleh. Pendidikan menyeluruh ini penting untuk memudahkan manusia untuk melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah SWT”*. Begitu juga pada tulisan Ibn ^oAshur (1999) iaitu: *“Pembaikan insan ini mestilah menyeluruh bukan sahaja kepada akal dan amalnya tetapi apa yang berada dalam kehidupannya. Sehubungan itu kita melihat Islam membaiki kebaikan manusia dengan membaiki diri manusia dan mereka yang berada bersamanya”*. Pandangan ini menjelaskan bahawa kualiti kesolehan anak merangkumi semua aspek kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Kesemua aspek ini penting dalam membantu manusia melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi dalam menyempurnakan sistem ummah. Allah SWT juga menurunkan syariat kepada manusia bertujuan memelihara kemaslahatan manusia bukan dengan sia-sia.

Berkeluarga bertujuan memelihara kesinambungan keturunan manusia. Institusi keluarga pula merupakan unit sosial dalam masyarakat dan bertindak sebagai penyumbang utama kepada proses pembangunan insan. Justeru manusia berkewajipan memelihara kualiti kesolehan generasi dalam membina sistem ummah untuk mencapai objektif syarak sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Luqman (31:13) yang bermaksud: *“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”*. Dalam ayat ini, Wahbah Zuhaili (1991) menyatakan tentang kisah Luqman mendidik anaknya dengan menanamkan aqidah ke dalam hati anaknya dalam bertaabud kepada Allah SWT. Luqman al-Hakim menasihati anaknya supaya menyembah Allah SWT dan tidak menyirikNya. Beliau juga menjelaskan bahawa perbuatan syirik merupakan satu kezaliman kepada dirinya sendiri. Luqman juga meminta anaknya meletakkan segala-galanya kepada Allah SWT. Firman Allah SWT juga dalam surah al-Furqan (25:74) yang bermaksud: *“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: Perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa”*. Firman Allah SWT juga dalam surah Maryam (19:55) yang bermaksud: *“Dan adalah dia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat, dan dia pula adalah seorang yang diredai di sisi Tuhannya”*.

Kedua-ayat ini menceritakan kisah terdahulu di dalam al-quran bagaimana mereka sentiasa memohon kepada Allah SWT supaya dikurniakan zuriat soleh yang menjadi syafaat kepada mereka. Ayat ini juga menerangkan sikap sebahagian suami yang tidak mempedulikan isterinya dan tidak pernah mendidik isterinya dengan nilai agama. Ayat ini juga menyarankan ibu bapa mengambil contoh akhlak yang ditunjukkan oleh Nabi Ismail dalam mendidik ahli keluarganya menunaikan solat dan mengeluarkan zakat. Hal ini dapat dirumuskan dari pandangan Ibn ^oAshur (1999): *“Pembaikan insan ini mestilah menyeluruh bukan sahaja kepada akal dan amalnya tetapi apa yang berada dalam kehidupannya. Pembentukan aqidah merupakan asas dalam pembentukan manusia seterusnya ibadat dan apa yang menyentuh kehidupan manusia”*. Melalui pernyataan ini menunjukkan didikan akidah adalah asas dalam pembentukan kualiti seorang anak. Dalam hal ini juga, jelas wujudnya hubungan maqasid memelihara keturunan dalam institusi keluarga dengan pembinaan insan dan ummah yang cemerlang. Memelihara keturunan bermaksud mendidik anak dalam keluarga secara khusus dan mendidik masyarakat secara umum. Pendidikan anak bermula dari rahim dan berterusan hingga membesar sebagai seorang Muslim yang menjaga agamanya. Dapatan ini juga dinyatakan pada tulisan an-Najjar (2008): *“Berdasarkan ilmu maqasid, memelihara dharuriyat al-khams dalam mendidik anak-anak sebahagian daripada konsep memelihara keturunan”*.

Pernyataan ini menunjukkan bahawa pendidikan anak-anak merupakan suatu perkara asas dalam memastikan keturunan yang lahir menepati maqasid syariah untuk memelihara institusi keluarga, masyarakat dan sistem ummah. Dalam konteks mendidik keturunan, Abdullah Nasih Ulwan (1989) berpandangan bahawa pendidikan akidah merupakan asas dalam pembinaan peribadi anak-anak. Sementara itu, al-Syatibi (2004) menegaskan bahawa matlamat ditegakkan kehidupan manusia itu sendiri adalah untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Syariat ini kemudiannya dikenali sebagai *daruriyat al-khams* yang membawa maksud lima kemaslahatan dasar yang menjadi asas tegaknya kehidupan manusia. Lima perkara tersebut dijadikan keperluan asas di mana manusia tidak mampu hidup sempurna tanpa lima perkara tersebut. Kehidupan manusia akan menjadi rosak sama ada di dunia atau di akhirat jika kepentingan asas ini tidak ada atau tidak dipenuhi. Justeru, dalam konteks matlamat atau tujuan pemeliharaan institusi keluarga, mendidik kualiti anak merupakan salah satu tuntutan agama. Tuntasnya, ibu bapa bertanggungjawab dan berkewajiban dalam memastikan keturunan dan zuriat mereka dididik dengan tarbiyah Islam merangkumi kelima-lima pemeliharaan supaya mereka dapat memikul amanah Allah SWT sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi ini sebagaimana objektif syarak dalam penciptaan manusia. Secara kesimpulannya, pemeliharaan sistem ummah ini memerlukan kepada orang yang mengendalikannya. Sehubungan itu, pembinaan insan bagi mewarisi sistem ini merupakan satu kewajiban dan ianya bermula dari sesebuah keluarga.

V. PENUTUP

Kesimpulannya, Institusi keluarga merupakan struktur asas kepada pembentukan sistem sosial dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Pembentukannya bertujuan meneruskan kesinambungan keturunan manusia bagi mengabdikan diri kepada Allah SWT dan sebagai khalifah di muka bumi. Matlamat akhir pembentukan institusi keluarga ialah mencapai kebahagiaan hakiki iaitu rahmat Allah SWT. Kebahagiaan dan rahmat Allah SWT bukan sahaja ketika berada di dunia tetapi juga di akhirat. Kebahagiaan ini dapat dimiliki apabila seorang manusia melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi. Pelaksanaan tanggungjawab ini memerlukan manusia soleh yang lahir dari rumah tangga dan keluarga yang soleh. Rumah tangga dan keluarga perlulah mempunyai mekanisme keluarga sejahtera yang terdiri daripada ibu bapa yang soleh. Hal ini kerana sistem ummah lahir daripada kekuatan keluarga dan masyarakat. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memahami maqasid pemeliharaan institusi keluarga dan berperanan dalam menyediakan generasi dalam menyempurnakan tugas khalifah ini. Maka secara asasnya memelihara institusi keluarga adalah membawa maksud memelihara keturunan yang akan mewarisi tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT. Justeru, tiga perspektif maqasid dalam pembentukan institusi keluarga melalui sistem perkahwinan bertujuan meneruskan kesinambungan generasi, kestabilan keluarga dan kualiti kesolehan anak yang dilahirkan.

Rujukan

1. Al-Qur'an
2. Abdullah Basmeih. 2002. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
3. Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam (terj.)*. Pustaka Nasional Singapura.
4. Abdullah Sulong & Siti Nurfaiz. t.th. *Faktor-faktor yang Mempunyai Hubungan dengan Pembentukan Keluarga Bahagia: Kajian di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM*. Fakulti Pendidikan, UTM.
5. Abdul Halim Mahmud. 1991. *Tarbiyah al-Nasyi al-Islami*. Kaherah: Dar al-Qalam.
6. Abd. Jalil Mohd Hassan. 1993. *Perkahwinan Dalam Islam (Berdasarkan Dalil, Hukum, Hikmat Dan Panduan Kebahagiaaan)*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
7. Abdul Karim Zaydan. 1969. *al-Madkhal Lil Dirasat al-Shariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Dar Umar Ibn al Khattab.
8. A'dawiyah Ismail 2011. *Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Bekerjaya Menurut Islam: Kajian Kes Di Putrajaya*. Penerbitan: UKM, Bangi, Selangor.
9. Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbitan UKM, Bangi, Selangor.
10. Abū Hāmid Al-Ghazālī. 1973. *al-Mustasfā min ʿIlm al-Usūl*. Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyyah. Ahmad Hasan Karzun. 1997. *Mazaya Nizam al-Ushrah fi al-Islam*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
11. Ibn ʿAshūr, Muḥammad Ṭāhir. 2001. *Maqāṣid Al-Sharāh Al-Islāmiyyah*. Muḥammad al-Tāhir Al-Maysāwī (pnyt.). Ed. ke-2. Amman: Dār al-Nafā'is.
12. Al-Ghazali. 1992. *Menyingkap Hakikat Perkahwinan*. Terj. Muhammad al-Baqir. Cetakan keempat. Bandung Penerbit Karisma.
13. Al-Ghazali. 2001. *Bimbingan Mukminin-Pada Mencari Redha Ilahi*. Terj: Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
14. Al-Kilani, Abd. Rahman Ibrahim, 2000. *Qawa'id al-maqasid inda al-Imam al-Syatibi*. Damsyik, Dar al-Fikr.
15. Al-Najjār, ʿAbd al-Majīd. 2008. *Maqāṣid Al-Sharāh Bi Ab'ād Jadīdah*.
16. Al-Raysūnī, Aḥmad. 1995. *Naẓariyyah Al-Maqāṣid ʿInda Al-Imām Al-Syātibī*. The International Institute of Islamic Thought.
17. Al-Shātibī, Ibrahīm Ibn Mūsā al-Lakhmī. 2004. *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharāh*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
18. Al-Tabari, Abi Jaafar Muhammad Ibn Jarir, 1999. *Tafsir al-Tabari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
19. Amran & Khadijah. 2014. Pengaruh Faktor Kesepaduan dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak. *Jurnal Sains Humanika 3:1 (2014) 99-105*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
20. Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, 2002, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
21. Azizi Yahaya & Gan Lui Nam. t.t. Peranan Ibu Bapa. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
22. Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al Fikr.
23. Ishamuddin Ismail. 2009. Kaunseling Keibubapaan. Aras Mega, Selangor.
24. Jawiah Dakir. 1996. Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah, *Islamiyyat 17 (1996) 3-18*
25. *Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
26. Mahmud Muhammad al-Jauhari. 2000. *Al-akhawat al-Muslimat*. Mesir: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
27. Muhammad bin Yaakub al-Firuzi al-Abadi. 1971. *al-Qamus al-Muhit*, Beirut: Muassasah Risalah.
28. Muhammad Jawad al-Faqih. 1993. *Al-Ushrah al-Muslimah*. Beirut: Dar al-Adhwa'.
29. Mustafa al-Zarqa'. 1998. *al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, Dar al-Qalam, Damsyik,
30. Mustafa Sa'īd al-Khan wa Muhyiddin Mastu. 1999, *al-Aqidah al-Islamiyyah Arkanuha Haqoiqaha Mafsadatuha*. Damsyik: Dar al-Kalm al-Toyyib.
31. Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho. 2002. *Fiqh Manhaji*. Pustaka Salam.
32. Nabila Farhana & Fadzli Adam. 2015. Penghayatan Agama dan Resiliensi Wanita Islam Pasca Perceraian. *Proceedings of ICIC 2015, e-ISBN: 978-967-13705-0-6*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.
33. Nor Ruzaini Sulaiman. 2016. *Pornografi dan Alam Siber: Cabaran Terhadap Jati Diri Wanita dan Kesan kepada Psikologi Wanita*. Desa Kreatif, Bangi
34. Norsaleha Mohd Salleh. 2015. *Penghayatan Akidah dan Pembentukan Peribadi Muslimah di Malaysia*. Desa Kreatif, Bangi
35. Rabihaht Adauwiyah Arifin. 2014. *Pembentukan Keluarga Ideal menurut Islam dalam Kalangan Ibu Tunggal di Yayasan Pembangunan Keluarga Trengganu*. Pengajian Islam. UKM, Bangi, Selangor.
36. Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda. 2007. *Jurnal Kemanusiaan bil 9 Jun 2007*.
37. Ramzi Zakaria. 2015. Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa: kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan prinsip syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, 19 . pp. 37-49. ISSN 1394-7729*
38. Sabitha & Mahmood Nazar. 1994. Kecenderungan remaja ke arah tingkahlaku seksual. *Prosiding kertas kerja Gejala Sosial*. Universiti Utara Malaysia, 75-82
39. Siti Shamsiah. 2017. *Muzakarah Pakar (Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid al-Syariah*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
40. Su'ad Ibrahim Saleh. 1982. *Adhwa' ala Nizam al-Ushrah Fi al-Islam*. Jeddah: Penerbitan Tihama.
41. Syed Muhammad Murtadha al-Husaini al-Zabidi (1971), *Tajul Arus min Jawahir al-Qamus*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-,Arabi, h. 35
42. Tariq Ismail. 1986. *Perkahwinan dalam Islam (terj.)*. Petaling Jaya: Pustaka Salam.
43. Yusuf al-Qardhāwī. 1996. *Madkhal li Ma'rifati al-Islam Muqawimatuha Khasaisuhu Ahdafuhu Masadiruhu*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 16;
44. Yusuf al-Qardhawi. 2001. *Pengantar Belajar Shari'at Islam*, Beirut, Lebanon: Muassasah Risalah.
45. Wahbah al-Zuhaili. 1991. *Tafsir al-Munir*. Jilid 13. Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
46. Wan Nordin Wan Abdullah et al. 2014, *Tafsir Maudhu'iy: kekeluargaan*, Dewan Bahasa & Pustaka

